

TIPOLOGI KAJIAN LITERATUR (2010-2017) BERKAITAN ISU LUMBA HARAM DI MALAYSIA

*(Typology Literature Review (2010-2017) Related Issues Illegal Racing In
Malaysia)*

Zalmizy Hussin & Siti Rohana Ahmad

ABSTRAK

Dalam meniti arus kemodenan ini, kegiatan lumba haram pada waktu malam merupakan salah satu gejala yang kian meruncing di kebanyakan negara dunia. Segelintir penyelidik terdahulu telah menyatakan tingkah laku golongan belia yang terjebak dalam kegiatan ini turut berlaku di kebanyakan negara-negara lain. Hal ini disebabkan oleh penggunaan terminologi lumba haram yang berbeza dan lokasi kegiatan di seluruh dunia. Di Malaysia, individu yang dilabel sebagai Mat Rempit adalah suatu istilah yang diberikan kepada remaja yang terlibat dalam aktiviti lumba haram. Mereka dilabel sebagai seorang yang ganas, agresif, dan tidak mematuhi peraturan lalu lintas. Tindakan tersebut telah membahayakan diri sendiri dan orang lain. Artikel ini bertujuan untuk membina tipologi kajian lepas mengenai isu lumba haram di Malaysia dari tahun 2010 hingga 2017. Justeru, artikel ini adalah merupakan satu usaha untuk mendapat pemahaman terhadap isu lumba motosikal haram di Malaysia. Sehubungan itu, hasil kajian ini sebagai rujukan oleh pihak berkuasa untuk memahami isu ini dengan lebih dekat. Kajian ini juga membantu penyelidik akan datang membuat *research gap* bagi menghasilkan ilmu pengetahuan baharu ke atas kajian-kajian terdahulu.

Kata kunci: Tipologi, kajian literatur, isu, lumba haram, Malaysia.

ABSTRACT

In pursuing this modernization, an illegal race at night is one of the symptoms of a worsening in most countries of the world. Some previous research has indicated that the behaviour of the youths who are stuck in this activity also occurs in many other countries. This is caused using different terminology and illegal racing activities worldwide locations. In Malaysia, individuals who are labelled as Mat Rempit is a term given to adolescents who are involved in illegal racing. They are labelled as a violent, aggressive, and do not obey the traffic rules. Such actions are endangering yourself and others. This article aims to construct a typology of previous studies on the issue of illegal racing in Malaysia from 2010 to 2017. Thus, this article is an attempt to gain an understanding of the issue of illegal motorcycle racing in Malaysia. Accordingly, the results of this study as a reference by the authorities to understand this issue more closely. The research also helps researchers to come to make research gap for generating new knowledge on previous studies.

Keywords: Typology, literature review, issues, illegal racing, Malaysia.


PENGENALAN

Terminologi lumba haram telah ditakrifkan sebagai satu bentuk lumba motosikal tidak dibenarkan dan menyalahi undang-undang yang berlaku di jalan awam (Wong 2012). Lumba haram dilakukan di jalan raya, mengubah suai motosikal yang tidak mengikut piawai, peralatan keselamatan terhad dan menunggang di bawah pengaruh alkohol dan dadah (Amit, Ismail, Ibrahim, Said, & Ghazali 2016). Lumba haram biasanya spontan, tidak terkawal, dianjurkan secara rawak dengan peraturan dan langkah keselamatan yang minimum (Peak & Glensor 2004; Warn, Tranter, & Kingham 2004; Wong 2011). Lumba haram juga adalah terancang dan diselaraskan bergantung kepada sekumpulan pelumba yang menganjurkan acara tersebut. Hal ini membuatkan mereka berasa bangga dengan tindakan yang dilakukan. Menganggap diri mereka sebagai hero, pelbagai aksi bahaya telah dipersembahkan kepada masyarakat umum.

Di Malaysia, individu yang terlibat dalam aktiviti ini digelar sebagai Mat Rempit. Dalam artikel ini, Mat Rempit telah didefinisikan sebagai “individu atau sekumpulan yang menyertai lumba haram dengan menunggang motosikal secara berisiko dan dikaitkan dengan jenayah kekerasan” (Hussin 2017). Justeru, kriteria individu yang dilabel sebagai Mat Rempit seperti berikut: (a) terdiri daripada golongan belia atau remaja yang berbangsa Melayu, (b) menggunakan motosikal berkuasa rendah, (c) terlibat dalam perlumbaan motosikal haram, (d) motosikal yang digunakan telah diubah suai di bahagian enjin bagi menambah kelajuan dan (e) berlumba melibatkan pertaruhan atau tidak (*ibid* 2017).

Berdasarkan kepada laman sesawang <https://www.trends.google.com> memaparkan beberapa perkara seperti berikut. Gambar rajah 1 menunjukkan *trending* (arah aliran) isu lumba haram dari tahun 2010 hingga 2017 di Malaysia. Dapatan data tersebut menunjukkan isu ini hangat diperkatakan di media sosial pada bulan Oktober 2010 (98%) dan September 2015 (100%).


Rajah 1: *Trending* (arah aliran) isu lumba haram dari tahun 2010 hingga 2017 di Malaysia



(Sumber: Dipetik dan diubahsuai dari <https://trends.google.com/trends/explore?date=2010-01-01%202017-12-31&geo=MY&q=%2Fm%2F05rd2s>)

Selain itu, gambar rajah 2 pula menunjukkan *trending* (aliran arah) isu lumba haram mengikut negeri dari tahun 2010 hingga 2017 di Malaysia. Dalam gambar rajah 2 menunjukkan isu ini hangat diperkatakan di negeri Terengganu, iaitu sebanyak 100 peratus berbanding dengan negeri lain seperti Sarawak (88%), Pahang (86%), Perak (83%) dan Melaka (80%).

Rajah 2: *Trending* (arah aliran) isu lumba haram mengikut negeri dari tahun 2010 hingga 2017 di Malaysia



(Sumber: Dipetik dan diubahsuai dari <https://trends.google.com/trends/explore?date=2010-01-01%202017-12-31&geo=MY&q=%2Fm%2F05rd2s>)

Dari perspektif Kriminologi, teori-teori mengenai jenayah dan devians boleh dikategorikan kepada perspektif makro dan mikro (Jackson & Knepper 2003: 80). Perspektif makro menekankan kepentingan alam sekitar dalam membentuk tingkah laku manusia. Antara faktor-faktor alam sekitar antaranya termasuk kemiskinan, keganasan, sistem pendidikan, dan media massa. Ini menunjukkan bahawa pelanggaran undang-undang dan tingkah laku yang menyalahi undang-undang adalah produk daripada interaksi individu dengan keadaan yang wujud dalam alam sekitar (rujuk Jackson & Knepper 2003: 80). Manakala perspektif mikro pula memberi kepentingan kepada peranan agen sosialisasi seperti rakan-rakan, ibu bapa dan guru-guru.

SOROTAN KARYA

Kajian mengenai Mat Rempit begitu meluas dilakukan di Malaysia. Kajian oleh Hussin (2017) yang memberi tumpuan kepada faktor risiko tingkah laku agresif dan bentuk-bentuk tingkah laku agresif verbal dan fizikal yang telah diekspresikan oleh informan. Hasil kajian telah menunjukkan faktor risiko utama yang mempengaruhi tingkah laku agresif bagi informan Mat Motor adalah kurang penghayatan agama manakala bagi informan Mat Rempit pula adalah pengambilan bahan terlarang. Hasil kajian juga telah menunjukkan agresif verbal Mat Motor adalah jenis *verbal, aktif, terang-terangan, langsung* dan *verbal, pasif, terselindung, tidak langsung*. Agresif fizikal pula adalah jenis *fizikal, aktif, terang-terangan, langsung* dan *fizikal, pasif, terang-terangan, langsung*. Manakala, agresif verbal bagi Mat Rempit pula adalah jenis *verbal, aktif, terang-terangan, langsung*. Hasil kajian menunjukkan dua jenis agresif fizikal Mat Rempit iaitu *fizikal, aktif, terang-terangan, langsung* dan *fizikal, pasif, terang-terangan, langsung*.

Kajian yang telah dilakukan oleh Amit et al. (2016) dengan menggunakan analisis korelasi dan analisis *one-way ANOVAs*. Dapatan kajian melalui analisis hubungan telah menunjukkan bahawa terdapat kolerasi positif yang kuat antara mencari sensasi dan sensasi global. Walaupun, *impulsivity* yang kuat dikaitkan dengan sensasi global, impulsif mempunyai kolerasi positif yang rendah dengan kesalahan yang sederhana. Sementara itu, analisis ANOVA pula telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada yang mencari sensasi, *impulsivity*, sensasi global dan harga diri berdasarkan kepada kumpulan umur yang berbeza.

Kajian oleh Ismail et al. (2016) telah membincangkan hasil kajian quasi-eksperimen yang dilakukan untuk menyelidik hubungan di antara trait personaliti dan pemanduan agresif (menyimpang dari kebiasaan) dalam kalangan pemandu muda Malaysia. Kajian tersebut melibatkan sebanyak 127 pelajar dengan umur purata 22 (68 lelaki dan 59 wanita), dan lesen memandu sah kelas B2. Hasil kajian telah menunjukkan hubungan yang signifikan di antara empati dan trait perseonaliti ($p < 0.05$) di mana subjek-subjek yang memiliki skor empati yang rendah dan keberanian mengambil risiko yang tinggi lebih bersifat agresif di atas jalan. Keputusan kajian tersebut juga mendapati hampir kesemua peserta bersetuju bahawa pemandu-pemandu Malaysia adalah agresif di atas jalan raya, hanya 15% peserta menganggap diri mereka pemandu agresif.

Di samping itu, kajian terkini tentang Mat Rempit yang dilakukan di Pulau Pinang pula adalah mengenai 'Mat Rempit: *Transforming Nation Liability to a National Asset by CSR program*' oleh Hidzir et al. (2015) telah mengkaji transformasi Mat Rempit daripada liabiliti kepada aset negara yang boleh dibangunkan oleh penyelidik dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) melalui inisiatif daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan kekal berubah status Mat Rempit menjadi aset negara. Kertas kerja tersebut telah membincangkan usaha dan sumbangan yang telah dibuat oleh sebuah syarikat penyelidikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melalui pelaksanaan projek-projek dan program-program yang berkaitan dengan kewujudan Mat Rempit di Pulau Pinang. Sejumlah 30 individu terlibat dalam perlumbaan haram telah digunakan sebagai sampel dalam kajian ini untuk mengenal pasti tahap sumbangan yang dibuat oleh tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam menjadikan mereka sebagai aset negara yang berkualiti.

Kajian oleh Ismail et al. (2015) pula mengkaji hubungan di antara sifat-sifat impulsif, mencari sensasi, agresif dan tingkah laku berisiko dalam kalangan pelumba motosikal jalanan di Malaysia. Kajian yang melibatkan seramai 564 orang Mat Rempit telah menemui mereka yang mengambil bahagian dalam perlumbaan haram telah mencapai skor tinggi pada agresif, mencari sensasi dan pengambilan tingkah laku berisiko berbanding dengan kumpulan responden yang tidak terlibat. Keputusan juga menunjukkan bahawa mereka mencapai skor yang tinggi pada mencari sensasi sifat-sifat impulsif pada agresif dan menunggang secara berisiko. Dalam kajian tersebut, dapatan kajian mendapati analisis regresi telah menunjukkan tingkah laku agresif dan mencari sensasi telah menyumbang kepada 16.1% daripada jumlah varians bagi penunggang yang berisiko (Ismail et al. 2015: 169).

Kajian oleh Kurniawan dan Yusuff (2014) yang dijalankan tersebut bertujuan untuk mengetahui dan mengenali personaliti kumpulan Mat Rempit. Hasil ujian telah mendapati sebahagian besar responden menunjukkan ciri-ciri personaliti yang sama seperti sifat kanak-kanak (kurang matang), kurang kepercayaan diri, memiliki keinginan untuk menjadi dewasa, mempunyai sifat kebergantungan yang kuat, sosok yang lemah di sebalik penampilan yang kukuh dan lemahnya kawalan diri. Daripada tahap kepintaran, sebahagian besar responden memiliki tahap kepintaran normal dan terdapat beberapa responden menunjukkan tahap kepintaran yang rendah.

Kajian Wong (2012) mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan dengan lumba haram dalam kalangan pelumba motosikal haram di Malaysia juga dikenali sebagai Mat Rempit dan niat mencari bantuan mereka. Dapatan kajian menyokong tanggapan bahawa mencari pengalaman, mencari prestij, mencari keseronokan, kepuasan diri, memandang rendah pada risiko dan pengaruh sosial adalah merupakan faktor yang mempengaruhi perlumbaan haram. Dapatan kajian juga mendapati niat keseluruhan untuk mendapatkan bantuan adalah sangat rendah. Majoriti (77.9%) telah melaporkan mereka akan menyelesaikan masalah sendiri dan

75.5% pula berpendapat bahawa lumba haram bukan masalah besar dan akan hilang apabila tiba masanya.

Selain itu, kajian oleh Wan Shahrazad et al. (2012) mengkaji hubungan antara harga-diri, kepimpinan dan daya tahan dalam kalangan pelumba motosikal haram dan perbandingan dengan remaja biasa. Data dianalisis dengan menggunakan analisis *T-test* dan korelasi *Pearson*. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara harga-diri, kepimpinan dan dimensi daya tahan dalam kalangan remaja biasa. Walau bagaimanapun, tidak ada hubungan yang signifikan antara harga-diri, kepimpinan dan dimensi daya tahan dalam kalangan pelumba motosikal haram. Di samping itu, terdapat perbezaan yang signifikan dalam harga-diri, kepimpinan dan daya tahan antara remaja biasa dengan pelumba motosikal haram.

Seterusnya, kajian oleh Nurullah et al. (2012) mengkaji faktor-faktor sosial, ekonomi dan psikologi lumba haram di Malaysia. Kajian mereka juga menilai perbezaan jantina dari segi punca-punca penyertaan dalam perlumbaan haram dan personaliti pelumba haram dari segi kesejahteraan rohani, keberkesanan diri dan harga-diri. Hasil kajian tersebut menunjukkan untuk pelumba wanita, 'keganasan keluarga', 'konflik ibu bapa' dan 'gaya keibubapaan' adalah faktor-faktor keluarga utama yang membawa kepada perlumbaan haram. Dalam kes pelumba lelaki pula mendapati 'gaya keibubapaan' dan 'hubungan dengan ahli keluarga' adalah punca utama perlumbaan haram. Sebilangan besar daripada pelumba lelaki dan pelumba wanita mempunyai hubungan sosial dengan pelumba jalanan, 'sikap yang dipelajari yang menggalakkan lumba haram', 'media massa dan pengaruh rakan sebaya' sebagai punca lumba haram. Kedua-dua kumpulan responden telah menyatakan 'tekanan sosial', 'pelabelan sosial', 'pengasingan sosial', 'peluang untuk menyertai perlumbaan haram', 'pengawasan pihak berkuasa terhad' dan 'kemudahan sukan dan rekreasi terhad' sebagai alasan untuk terlibat dalam perlumbaan haram. Dari segi faktor psikologi, peratusan besar keinginan 'memiliki imej diri, pengiktirafan dan perhatian', 'melarikan diri dari tekanan psikologi-sosial' sebagai faktor-faktor penting yang membawa kepada perlumbaan haram. Kadar pengangguran telah ditemui untuk menjadi salah satu sebab yang penting untuk perlumbaan haram yang hampir sama bagi kedua-dua kumpulan tersebut. Perbezaan yang signifikan dalam skor min kesejahteraan rohani dan keberkesanan diri bagi pelumba lelaki dan pelumba wanita tidak wujud. Walau bagaimanapun, pelumba lelaki memperoleh skor min harga diri yang lebih tinggi daripada pelumba wanita.

Kajian oleh Isa et al. (2013) mengenai program intervensi untuk mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya dan kecederaan yang melibatkan penunggang motosikal, menunggang tanpa lesen memandu yang semakin meningkat kebimbangan keselamatan jalan raya di Malaysia. Keputusan menunjukkan kira-kira satu per lima daripada jumlah mangsa yang terlibat adalah penunggang motosikal tidak berlesen dan bahagian akan lebih tinggi jika statistik kes-kes yang tidak diketahui telah dimasukkan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa, jika dibandingkan dengan pelumba motosikal berlesen, kadar yang agak tinggi motosikal tanpa lesen bagi penunggang muda (69%), tidak memakai topi keledar (33%), yang terlibat dalam kemalangan yang berlaku pada waktu malam (39%) dan di kawasan luar bandar (79.1%).

Kajian oleh Wong (2011) bertujuan untuk memahami faktor-faktor berkaitan dengan lumba haram antara pelumba motosikal haram di Malaysia atau dikenali sebagai "Mat Rempit". Dapatan kajian menunjukkan Min tempoh lumba haram adalah 2.65 (SD \pm 1.77) tahun (julat: 2 bulan hingga 12 tahun), dengan masing-masing sebanyak 50.1% dan 35.8% bagi melakukan aksi ngeri dan minum alkohol semasa perlumbaan. Berkaitan dengan tingkah laku berisiko pula, responden yang menghisap rokok adalah tinggi dalam kajian tersebut iaitu sebanyak 78.3%. Diikuti minum alkohol sebanyak 27.8% dan reaksi penggunaan dadah sebanyak 18.8%.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden mempunyai skor tinggi dalam skala maskuliniti sebanyak (15.7 ± 4.0) daripada 21.0). Keputusan analisis regresi logistik menunjukkan bahawa pemboleh ubah, tingkah laku risiko dan kejantanan skor sosio-demografi dikaitkan dengan kekerapan perlumbaan.

Kajian Mansor dan Mat (2011) telah mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi belia untuk melibatkan diri dalam perlumbaan haram. Keputusan analisis memberikan alasan yang jelas untuk penglibatan dalam lumba haram. Hipotesis dirumuskan dalam kajian tersebut yang simetri kepada mereka yang telah dibincangkan oleh orang awam menunjukkan mempunyai hubungan yang signifikan. Oleh itu, unsur-unsur seperti tekanan, ganjaran, rakan-rakan dan gambaran psikologi memberikan penjelasan yang baik dan signifikan untuk penglibatan belia dalam lumba haram.

Kajian oleh Ismail et al. (2010) memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti sub-budaya dan ungkapan sosial norma tertentu dan nilai-nilai kumpulan itu tidak hanya melalui perlumbaan motosikal tetapi juga melalui aktiviti lain yang berkaitan seperti penglibatan mereka dalam muzik, kecurian motosikal dan dadah. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa di tengah-tengah pelbagai transformasi sosial yang sedang berlaku dalam masyarakat hari ini, sub-budaya Mat Rempit adalah satu bentuk tindak balas sosial dan penyelesaian kolektif golongan belia kepada norma-norma konvensional dan nilai-nilai yang dianggap mengehadkan aktiviti sosial mereka. Aktiviti Mat Rempit dan sub-budaya yang tidak langsung melalui pengalaman hidup, aktiviti masa lapang mereka dilihat sebagai suatu masalah sosial oleh masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Neuman (2006) berpendapat kaedah kajian merupakan prosedur yang digunakan oleh penyelidik untuk memahami dan menerangkan tentang persampelan, pengumpulan data dan analisis yang telah dipilih. Sehubungan dengan itu, apabila saintis sosial menggunakan konsep kaedah saintifik yang merujuk kepada pertanyaan logik berbanding dengan teknik kajian saintifik. Hal ini kerana matlamat utama kajian sosial ialah untuk menjawab soalan kajian. Memenuhi objektif-objektif kajian ini, adalah wajar untuk mempertimbangkan kajian sebagai pendekatan dalam mengumpul data dari sampel daripada Mat Rempit. Kajian ini berhasrat untuk mendedahkan karakter Mat Rempit di dalam Negeri Pulau Pinang, Malaysia. Dari segi pemilihan sumber data, Sampel kajian dipilih menggunakan persampelan bola salji (*snow ball sampling*) yang juga dikenali sebagai kaedah jaringan atau *network*, rantaian rujukan atau *chain referral* atau pesampelan reputasi atau *reputational sampling*. Kaedah persampelan ini telah dilakukan secara berterusan sehingga penyelidik memperoleh semua informan yang dikehendaki. Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dipilih kerana dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dikaji (Merriam 1998). Sampel kajian telah bersetuju untuk ditemu bual secara mendalam (*in-depth*) dan penyelidik dibenarkan melakukan pemerhatian turut serta (*participant observation*) dalam aktiviti mereka. Menurut Kaufman (1994) berhujah temu bual jenis ini pada keseluruhan soalan dalam jadual temu bual (*interview schedule*) berbentuk terbuka (*open-ended*) yang direka untuk menggalakkan informan bercakap dan memberi jawapan mengenai tajuk kajian berdasarkan pandangan serta pengalaman mereka sendiri. Kesemua soalan dalam temu bual berstruktur ini berbentuk terbuka atau *open-ended*. Soalan-soalan diajukan kepada informan untuk dijawab. Newell (1993) telah berhujah soalan yang standard memainkan peranan penting dalam

penganalisaan data yang diperoleh. Menurut Bailey (1994) pula soalan terbuka juga berfungsi untuk menggalakkan informan memberi jawapan yang lengkap.

DAPATAN KAJIAN

Kesemua tipologi kajian lepas mengenai isu lumba motosikal di Malaysia telah dirumuskan kepada Jadual 1 di halaman berikut.

Jadual 1: Tipologi kajian tingkah laku lumba motosikal haram di Malaysia

Penyelidik	Fokus Kajian	Kata Kunci/ Isu	Kaedah Penyelidikan	Dapatan Kajian
Hussin (2017)	Pembinaan karekter Mat Motor dan Mat Rempit, faktor risiko dan jenis agresif verbal dan fizikal	Mengenl pasti karakteristik Mat Motor dan Mat Rempit, faktor risiko mempengaruhi tingkah laku agresif dan jenis agresif verbal dan fizikal	Kualitatif – Kajian pemerhatian ikut serta dan in-dept interview	Karakteristik Mat Motor dan Mat Rempit adalah berbeza dari segi aktiviti lumba haram,
Noh Amit et.al. (2016)	Kajian umur, pendidikan dan terpilih ciri psikologi Mat Rempit di Malaysia	Hubungan antara umur, pendidikan, ciri-ciri psikologi yang dipilih dan tingkah laku Mat Rempit	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Faktor demografi dan faktor-faktor psikologi adalah peramal utama tingkah laku Mat Rempit
Ismail et al. (2016)	Kajian hubungan trait personaliti dan pemanduan agresif (menyimpang dari kebiasaan) dalam kalangan pemandu muda Malaysia.	Hubungan yang signifikan di antara empati dan trait perseonaliti dan tingkah laku agresif	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Hubungan yang signifikan di antara empati dan trait personaliti dan keberanian mengambil risiko yang tinggi lebih bersifat agresif di atas jalan raya
Ismail et.al. (2015)	Kajian hubungan antara sifat-sifat impulsif, mencari sensasi, agresif dan tingkah laku berisiko di kalangan Mat Rempit	Hubungan antara sifat-sifat impulsif, mencari sensasi, agresif dan tingkah laku berisiko di kalangan Mat Rempit	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Sifat-sifat impulsif, mencari sensasi seeking, agresif dan tingkah laku agresif adalah ramalan utama tingkah laku Mat Rempit

Hidzir et al. (2015)	Kajian transformasi Mat Rempit daripada liabiliti kepada aset negara	Mengenal pasti tahap sumbangan oleh tanggungjawab sosial korporat (CSR)	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Peranan NGO dan CSR dalam menjadikan mereka sebagai aset negara yang berkualiti
Ibrahim et al. (2015)	Meneliti aktiviti-aktiviti berisiko tinggi, personaliti dan hubungan personaliti dengan tingkah laku agresif Mat Rempit	Hubungan antara aktiviti berisiko tinggi, personaliti dan hubungan personaliti dengan tingkah laku agresif	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Hubungan aktiviti berisiko tinggi, personaliti adalah signifikan dengan tingkah laku agresif Mat Rempit
Kurniawan dan Yusuff (2014)	mengetahui dan mengenali personaliti kumpulan Mat Rempit	Hubungan antara personaliti dan kumpulan Mat Rempit	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Hubungan ciri-ciri personaliti dan tahap kepintaran sangat signifikan mempengaruhi personaliti Mat Rempit
Isa et al. (2013)	Kajian program intervensi mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya dan kecederaan yang melibatkan penunggang motosikal	Program melibatkan penunggang motosikal berlesen dan tanpa lesen dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Hubungan antara penunggang motosikal berlesen dan tidak berlesen sangat signifikan jumlah kemalangan dan kecederaan di jalan raya
Wan Shahrazad et.al. (2012)	Bertujuan untuk melihat perbezaan harga diri, daya tahan dan kepimpinan di kalangan pelumba motosikal haram dan remaja normal	Hubungan antara harga diri, daya tahan, kepimpinan dan Mat Rempit ini 'tingkah laku dan remaja normal	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Hubungan harga diri, ketahanan diri dan kepimpinan adalah signifikan mempengaruhi tingkah laku Mat Rempit'
Wong (2012)	faktor-faktor yang berkaitan dengan lumba haram dan niat mencari bantuan	Hubungan antara factor-faktor mempengaruhi lumba haram dan bantuan	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Hubungan mencari pengalaman, mencari prestij, mencari keseronokan, kepuasan diri, memandang rendah pada risiko dan pengaruh sosial adalah faktor yang signifikan dalam perlumbaan haram

Nurullah et.al. (2012).	perbezaan jantina dinilai dari segi punca-punca penyertaan dalam perlumbaan jalan, dan personaliti pelumba jalan dari segi rohani kesejahteraan, keberkesanan diri dan harga diri	Hubungan antara jantina, personaliti dan tingkah laku Mat Rempit	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Hubungan faktor demografi; faktor kekeluargaan; faktor sosial; dan faktor-faktor psikologi sangat signifikan dengan tingkah laku Mat Rempit
Wong (2011)	Faktor demografi sebagai peramal tingkah laku Mat Rempit	Hubungan antara faktor-faktor demografi dan tingkah laku Mat Rempit	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Pemboleh ubah etnik, pencapaian pendidikan, pekerjaan, status perkahwinan ibu bapa, pendapatan isi rumah, pencapaian pendidikan ibu dan ketegasan ibu bapa merupakan peramal signifikan bagi tingkah laku Mat Rempit
Norudin dan Azman (2011)	Penentu tingkah laku Mat Rempit	Hubungan antara tekanan, ganjaran, rakan sebaya, faktor psikologi dan perlumbaan jalan haram	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Hubungan antara faktor tekanan, daya tarikan ganjaran, peranan rakan sebaya sangat signifikan perkembangan psikologi di kalangan belia
Mansor dan Mat (2011)	Mengkaji faktor-faktor mempengaruhi belia dalam perlumbaan haram	Faktor tekanan, ganjaran, rakan-rakan dan psikologikal dalam penglibatan belia dalam lumba haram	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Hubungan antara pemboleh ubah tekanan, ganjaran, rakan-rakan dan gambaran psikologi adalah sangat signifikan penglibatan belia dalam lumba haram
Ismail et al. (2010)	Tumpuan kepada aktiviti-aktiviti sub-budaya dan ungkapan sosial norma tertentu dan nilai-nilai kumpulan	Hubungan antara aktiviti sub-budaya, ungkapan norma social dan nilai kumpulan	Kuantitatif – Kajian borang soal selidik (questionnaire surveys)	Hubungan sub-aktiviti dan sub-budaya sangat signifikan terhadap peningkatan salah laku jenayah dan masalah sosial

PERBINCANGAN KAJIAN

Lumba haram adalah merupakan simbolik atau simbol maskulin (kejantanan). Hal ini kerana aktiviti lumba haram telah menyediakan hiburan, tempat bagi melepaskan kemarahan, kelakuan bagi mencari tumpuan, menyediakan ruang bagi interaksi sosial antara peserta dan 'klik' yang mana membentuk satu komuniti dengan matlamat, minat dan cara hidup yang sama (Ismail 2004). Lumba motosikal haram juga membuktikan nilai diri, kejantanan (maskulin) dan keseronokan dengan mudah lebih-lebih lagi apabila melawan penguatkuasaan undang-undang (Ismail 2005). Leigh telah berhujah keinginan untuk berlumba adalah berpunca daripada kuasa simbolik maskuliniti dan minat dalam sukan pemotoran. Apabila keinginan ini disekat akibat daripada ketiadaan tempat perlumbaan, kekangan undang-undang telah menyebabkan mereka beralih arah melakukan kegiatan ini di jalan-jalan awam (1995: 1).

Tingkah laku agresif yang telah diluahkan oleh pelumba motosikal haram adalah tercetus hasil daripada ekspresi luaran yang tidak dapat menyesuaikan diri, tidak diterima dalam sistem sosial dan norma-norma keluarga, serta tindak balas tekanan dalaman diri mereka sendiri. Berdasarkan kajian dan pemerhatian, manifestasi tingkah laku agresif adalah keinginan subjek untuk melukai badan atau perasaan baik pada diri sendiri atau orang lain dengan kata-kata kesat ataupun menggunakan alatan (Baron & Byrne 2005). Justeru, kepentingan memilih dan membuat sesuatu keputusan sangat dititikberatkan. Mereka sebenarnya tidak berbeza dengan orang dewasa yang juga memerlukan fikiran rasional untuk mengambil atau membuat sesuatu keputusan. Justeru, seseorang yang berfikiran rasional biasanya akan lebih baik dalam memilih keputusan berbanding mereka yang dalam keadaan emosional (Keltner et al. 2014). Manakala, dari sudut lain pula berhujah individu yang memiliki kecenderungan emosional yang kuat, memerlukan keadaan emosi yang tenang untuk membuat sesuatu keputusan (Lelieveld 2012).

Sehubungan itu, ideologi maskulin telah terbukti berkaitan dengan tingkah laku agresif atau jenayah. Sebagai contoh, golongan lelaki dengan kepercayaan maskulin tradisional tidak cenderung untuk mengamalkan amalan gaya hidup yang sihat (Courtenay 2000). Hal ini kerana mereka terdedah kepada pengambilan bahan seperti merokok, alkohol yang berlebihan dan berisiko tinggi dalam melakukan aktiviti seksual (Levant et al. 2006; Mahalik et al. 2006; Mahalik et al. 2007). Pada masa yang sama juga, sifat maskulin sangat penting bagi menjaga imej, status dan menggunakan kekerasan bagi menyelesaikan masalah. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang dilakukan ke atas identiti maskulin telah menunjukkan hubungan, penghormatan, keberanian, agresif, dominasi dan kesediaan untuk menggunakan keganasan untuk menyelesaikan konflik dalaman adalah merupakan ciri-ciri utama identiti maskulin (Mahalik, Burns, & Syzdek 2007).

Sikap keterlaluan yang tidak konvensional ini secara jelasnya telah berlaku dalam persekitaran hyper-maskulin dalam kalangan pelumba motosikal haram. Mereka membesar dengan norma-norma tersebut dan belajar untuk menolak penghinaan dan sikap keterlaluan, walaupun mereka berdepan dengan orang lain dalam cara yang berbeza. Dalam hasil kajian ini juga, bagi pelumba motosikal haram adalah penting untuk mewujudkan imej maskulin dengan mempertahankan maruah mereka dan kehormatan orang lain khususnya teman wanita, isteri, keluarga (terutamanya ibu) dan rakan-rakan. Dengan menunjukkan kekuatan fizikal, reputasi dan kuasa mereka cuba untuk memperbaiki imej dan menyembunyikan kelemahan individu. Namun begitu, persetujuan pada reputasi boleh membawa kepada konflik dalam kalangan juvana kerana mereka cuba menguasai orang lain untuk mendapatkan pengiktirafan sosial (Rebellion 2006). Sesetengah di antara mereka juga dengan sumber yang terhad menunjukkan

kecenderungan untuk menggunakan tingkah laku agresif fizikal terhadap orang lain atau mencetuskan pergaduhan untuk mencapai penghormatan dan harga diri. Oleh itu, setiap tindakan yang teruk memerlukan reaksi yang agresif untuk mempertahankan reputasi seseorang. Dalam pengertian ini, mereka akan menggunakan keganasan atau ancaman keganasan sebagai satu bentuk kawalan sosial atau bantu-diri (*self-help*) (Stewart et al. 2006: 433).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, satu usaha konkrit untuk mewujudkan perkaitan yang lebih erat antara penyelidikan sains sosial dengan penggubal dan pembuat dasar negara. Kajian seperti ini memberi satu pengkalan data yang boleh dimanfaatkan oleh ahli akademik dan pembuat dasar di negara kita. Selain itu, beberapa isu sampingan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Isu-isu ini merangkumi:

- i. **Kemunculan satu subbudaya popular** dalam kalangan belia ini dilihat sebagai satu wabak virus sosial yang semakin merebak dan berleluasa dalam kalangan belia khasnya belia Melayu. Aktiviti mereka telah melanggar batas-batas norma dan nilai sosial masyarakat yang membawa kepada satu perubahan cara hidup yang agresif.
- ii. **Kemajuan dalam telekomunikasi** telah memberi satu impak negatif kepada belia. Para ibu bapa seharusnya mengawal segala penggerakan anak-anak mereka.

Akhir kata, penyelidik beranggapan bahawa untuk menyelesaikan masalah ini semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing. Penglibatan secara langsung oleh individu, masyarakat dan badan-badan berwajib sangat digalakkan. Para ibu bapa pula perlu memberi penekanan dalam aspek pendidikan agama. Peranan agama dalam kehidupan dan peranan ibu bapa dalam membesarkan anak-anak. Agama itu adalah merupakan jalan hidup atau *way of life*. Suatu perjalanan realiti sosial yang konkrit. Tanpa penghayatan dan pendidikan agama yang mantap, kehidupan tidak bermoral, membawa kepada kesesatan dan gagal memberi bimbingan rohani bagi manusia. Kegagalan menguruskan hidup perlu menyalahi diri sendiri. Diri sendiri perlu berusaha membaiki diri. Hal ini kerana agama adalah sumber kekuatan moral, memberi petunjuk ke jalan yang diredai dan membimbing rohani di kala duka atau pun duka.

RUJUKAN

- Abdullah, H., Gill, S. S., Ahmad, N., Ahmad, Z., & Ghazali, S. (2009). Remaja dan budaya lumba haram di Lembah Klang. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1, 165-178.
- Amit, N., Ismail, R., Ibrahim, N., Said, Z., & Ghazali, S. E. (2016). Sensation seeking and self-esteem differences among illegal street racers in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(1 S1), 96.
- Arsyad, M. M. (2010). *Pemahaman proses sosialisasi 'Mat Rempit' dalam kalangan belia di utara Malaysia*. Master Thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Bailey, K. (1994). *Methods of Social Research*. Fourth Edition, New York: The Free Press.
- Baron, R.A & Byrne, D. (2005). *Social psychology*, (International edition) Boston: Allyn & Bacon.
- Bushman, B. J., & Huesmann, L. R. (2001). Effects of televised violence on aggression. In D. Singer & J. Singer (Eds.), *Handbook of children and the media*. Thousand Oaks, CA: Sage. 223-254.

- Courtenay W. H. (2000). Endangering health: a social constructionist examination of men's health beliefs and behaviors. *Psychology Men Masculinity*, 1(1), 4-15.
- Don, Y., Daud, Y., Kasa, M. D., Sakdan, M. F. A., Mustafa, J., & Ahmad, Z. I. (2009). Gang rempit dan penyalahgunaan dadah: pengaruhnya dari aspek psikososial dan institusi pendidikan. *Jurnal Anti dadah Malaysia (Malaysian Anti-Drugs Journal)*, 5.
- Hidzir, F. H., Arbain, A., Ismail, W. S. W., & Ismail, S. (2015). *Mat Rempit: Transforming nation liability to a national asset by CSR program*. 3rd International Conference on Business, Law and Corporate Social Responsibility (ICBLCSR'15) May 5-6, 2015 Bali (Indonesia).
- Hussin, Z. (2017). *Faktor risiko dan bentuk tingkah laku agresif mat motor dan mat rempit di Pulau Pinang, Malaysia*. PhD Thesis, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Ibrahim, N., Ismail, R., Halim, M. R. T. A., & Amit, N. (2015). Personality, high-risk activities and aggressive behaviour among illegal street racers. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(5), 527.
- Isa, M. H. M., Ariffin, A. H., Jawi, Z. M., & Yeap, T. C. (2013). Factors contributing to crash involvement of unlicensed motorcycle riders in Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 65(2). 61–66.
- Ismail, R. (2008). Mat Rempit dan gejala perlumbaan haram di Malaysia ('Mat Rempit' and illegal motorcycle racing in Malaysia). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 22, 17-28.
- Ismail, R., & Borhanuddin, B. (2009). Pendefinisian Semula Konsep Rempit (Redefining the concept of 'Rempit'). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 23, 11-17.
- Ismail, R., Karim, M. F. A., & Mustapha, Z. (2010). Golongan muda Mat Rempit: suatu ekspresi sub budaya. *e-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(1), 1-10.
- Ismail, R., Din, N. C., Lee, O. L., Ibrahim, N., & Sukimi, F. (2015). Role of sensation seeking and aggression on risk riding behaviours among motorcycle street racers in Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 10(1), 169.
- Ismail, R., Voon, N. L., Saad, M. H. M., Saleem, M., & Ibrahim, N. (2016). Aberrant driving among young Malaysian drivers. *Jurnal Teknologi*, 78(6-10).
- Karim, M. F. A., Ismail, R., & Sukimi, M. F. (2009). Sub-budaya Mat Rempit dan perubahan sosio-budaya. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 5(3), 26-43.
- Kaufman, S. (1994). *In-depth nterviewing*. In J. F. Gubrium & A. Sankar (Eds.), *qualitative methods in aging research*. Thousand Oaks, CA: Sage: 123-136.
- Keltner D, Oatley K, Jenkins J.M. (2014). *Understanding emotions*. Hoboken, NJ: Wiley.
- Kurniawan, Y., & Yusuff, N. A. (2014). *Analisis personaliti "Mat Rempit" berdasarkan ujian unjuran personaliti*. International Conference on Human Sustainability, 2014. 9-10 April 2014, UTHM Johor. 1- 8.
- Lelieveld G.J, Van Dijk E, Van Beest I, Van Kleef G.A. (2012). Why anger and disappointment affect other's bargaining behavior differently: The moderating role of power and the mediating role of reciprocal and complementary emotions. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 38, 1209-21
- Levant RF, Wimer DJ, Williams CMK, Bryant Smalley KB, Noronha D. (2009). The relationships between masculinity variables, health risk behaviors and attitudes toward seeking psychological help. *International Journal of Men's Health*, 8 (1), 3-21.
- Lim, D. C. (2006). Cruising Mat Motor: Malay biker masculinity and queer desire in/through KL Menjerit. *Inter-Asia Cultural Studies*, 7(1), 62-80.

- Mahalik, J. R., Burns, S. M., & Syzdek, M. (2007). Masculinity and perceived normative health behaviors as predictors of men's health behaviors. *Social Science & Medicine*, 64(11), 2201-2209.
- Mahalik JR, Lagan HD, Morrison J.A. (2006). Health behaviors and masculinity in Kenyan and US male college students. *Psychology of Men & Masculinity*, 7(4), 191-202.
- Mansor, N., & Mat, A. C. (2011). Illegal racing among the youth: what exactly motivate them? *International Journal of Asian Social Science*, 1(5), 117-126.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Neuman, W. L. (2006). *Social research methods: Qualitative and Quantitative approaches*, (6th edn). Boston: Allyn & Bacon.
- Newell, R. (1993). Questionnaires. In: Gilbert, N. (Ed), *Researching social life*. Sage London: 94-115.
- Nurullah, A. S., Makol-Abdul, P. R., & Rahman, S. A. (2012). Gender and motivations for street racing in Malaysia. *Journal of Sociological Research*, 3(1), 67-79.
- Rebellon, C.J. (2006) 'Do adolescents engage in delinquency to attract the social attention of peers?'. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 43(4): 387-411.
- Stewart, E.A., Schreck, C.J. and Simons, R.L. (2006). 'I ain't gonna let no one disrespect me'. Does the code of the street reduce or increase violent victimization among African American adolescents?', *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 43(4), 427-458.
- Wan Shahrazad, W. S., Fauziah, I., Bee, A., & Ismail, B. (2012). A Cooperative Study of Self-Esteem, Leadership and Resilience Amongst Illegal Motorbike Racers And Normal Adolescents in Malaysia. *Asian Social Science*, 8(8), 61.
- Wong, L. P. (2011). Socio-demographic and behavioural characteristics of illegal motorcycle street racers in Malaysia. *BMC public health*, 11(1), 1.
- Wong, L. P. (2012). Factors Associated with Illegal Motorcycle Street Racing and Help-Seeking Intention. *Behavioral Medicine*, 38(2), 54-63.

MAKLUMAT PENULIS

ZALMIZY HUSSIN

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan,
Dasar dan Kerja Sosial,
UUM College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia.
zalmizy@uum.edu.my

SITI ROHANA AHMAD

Pejabat Kesihatan Daerah Yan,
08300 Guar Chempedak, Kedah Darul Aman.
drsitirohana@gmail.com